

|            |   |             |                    |
|------------|---|-------------|--------------------|
| Headline   | Rawatan dadah AADK diketengah semasa sesi narkotik PBB di Austria |             |                    |
| MediaTitle | New Sabah Times Bahasa (KK)                                       |             |                    |
| Date       | 18 Mar 2014   | Color       | Black/white        |
| Section    | Semasa  | Circulation | 22,425             |
| Page No    | 8   | Readership  | 134,550            |
| Language   | Malay   | ArticleSize | 97 cm <sup>2</sup> |
| Journalist | N/A   | AdValue     | RM 193             |
| Frequency  | Daily (EM)  | PR Value    | RM 579             |



## Rawatan dadah AADK diketengah semasa sesi narkotik PBB di Austria

KUALA LUMPUR: Kejayaan dan pengikhtirafan antarabangsa Klinik Cure & Care 1 Malaysia Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) untuk merawat kebergantungan dadah menggunakan terapi metadon diketengahkan pada sesi ke-57 Suruhanjaya Narkotik dan Dadah Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (CND) di Vienna, Austria.

Presiden Majlis AIDS Malaysia (MAC), Datuk Dr Raj Karim, dalam satu kenyataan akhbar di sini kelmarin berkata Timbalan Menteri Dalam Negeri Datuk Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar di dalam ucapannya di sesi itu menyatakan kerajaan kini bekerjasama dengan MAC untuk memperkenalkan ubat-ubatan kepada tahanan polis, terutamanya ubat antiretroviral untuk pengidap HIV dan metadon.

Beliau berkata MAC memaklumi dan

memuji kenyataan Wan Junaidi yang menunjukkan komitmen kerajaan untuk meningkatkan capaian rawatan pesakit HIV dan rawatan perubatan untuk mereka yang menggunakan dadah.

“Kami rasa gembira dengan respons berterusan kerajaan terhadap HIV dan ubatan berdasarkan bukti saintifik, ketika kami mahu meningkatkan kerjasama dengan agensi penguatkuasaan undang-undang dan pihak berkuasa berkaitan,” katanya.

Sesi CND PBB itu adalah acara tahunan yang diadakan di pejabat PBB di Vienna

yang menghimpunkan wakil-wakil kerajaan dari seluruh dunia untuk membincangkan perkembangan di dalam undang-undang dadah dan polisi seluruh dunia serta dalam negara masing-masing. - Bernama